

AMALAN PENGAJARAN SINGAPURA (SINGAPORE TEACHING PRACTICE)

Gambaran Keseluruhan STP



Jawatankuasa Penerbitan

Norhayati Awang, Penasihat

Rahmat Subadah

Dr. Fadilah Isnin

Haryati Surana

Salina Hussin

Siti Faridah Omar

Muhamad Rafi Abu Bakar

Arshid Abdullah

Sekapur Sirih

Salam sejahtera kepada para guru budiman.

Amalan Pengajaran Singapura atau *Singapore Teaching Practice (STP)* telah dilancarkan pada tahun 2017 untuk mengukuhkan amalan pengajaran dan pembelajaran (PdP) guru-guru Singapura.

Pusat Bahasa Melayu Singapura (MLCS) mengambil inisiatif untuk menterjemah dan menerbitkan Amalan Pengajaran Singapura berbentuk e-Penerbitan sebagai panduan dan rujukan bagi guru-guru Bahasa Melayu Singapura.

Diharapkan, bahan e-Penerbitan ini akan dapat memberikan petunjuk kepada guru untuk:

- memahami dan menerapkan STP dalam PdP Bahasa Melayu;
- merancang dan menyediakan PdP yang relevan dan berkesan dengan menerapkan elemen-elemen STP;
- mengaplikasi dan melaksanakan elemen-elemen STP dalam PdP bahasa Melayu dengan berkesan; dan
- menjadikan STP sebagai rujukan utama dalam pelaksanaan PdP secara eksplisit dan berkesan dengan mengambil kira kesediaan, kebolehan dan minat pelajar dalam penerapan pengajaran pembezaan di bilik darjah.

MLCS percaya bahawa setiap pelajar mahu dan boleh belajar Bahasa Melayu dengan sokongan dan dorongan guru yang mengambil kira semua aspek keperluan pembelajaran pelajar secara holistik.

Marilah kita terus mengamalkan PdP yang terbaik untuk membangun para pelajar kita dan terus membudayakan kecemerlangan profesional dalam memberikan pengalaman pembelajaran yang bermakna dan menyeronokkan kepada para pelajar kita.

Guru cemerlang, pelajar budiman.

Norhayati Awang
Pengarah Pusat
Pusat Bahasa Melayu Singapura
Akademi Guru Singapura
Kementerian Pendidikan Singapura

E-Penerbitan Oktober 2022
© MLCS 2022

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian isi kandungan bahan e-Perbitan ini dalam apa jua bentuk sama ada secara elektronik, fotokopi, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat keizinan bertulis daripada pemilik hak cipta buku ini.

Diterbitkan oleh:

Pusat Bahasa Melayu Singapura
Akademi Guru Singapura
Kementerian Pendidikan Singapura



Kandungan

	Halaman
1. Apakah itu Amalan Pengajaran Singapura (STP)	4
2. Mengapakah kita perlukan STP?	5
3. Di manakah maklumat STP boleh diakses?	6
4. 3 Komponen Utama STP	7
5. Falsafah Kurikulum Singapura	8
6. Asas-asas Pengetahuan	10
7. Amalan-amalan Pedagogi	14
8. 4 Proses Pengajaran	18
9. Proses Pengajaran dan Aspek Pengajaran	19
10. Aspek Pengajaran dan Aktiviti Mengajar	21
11. Hubung Kait STP dengan PdP Bahasa Melayu	27
12. Kitaran Aplikasi-Refleksi	30

Apakah itu Amalan Pengajaran Singapura (STP)?



Amalan Pengajaran Singapura (STP) merupakan model yang menjelaskan secara eksplisit bagaimana pengajaran dan pembelajaran (PdP) dicapai di Singapura. STP diwakili dalam bentuk bunga orkid (anggerik) untuk mencerminkan konteks amalannya di Singapura.

Mengapakah kita perlukan STP?

Untuk...

Membantu **setiap guru** Singapura menjadi **lebih yakin dan reflektif** dalam amalan pengajaran.

Untuk...

Membantu **setiap pelajar belajar dengan baik** dan **meningkatkan rasa seronok dalam proses pembelajaran.**

Mengapakah kita perlukan STP?

STP menyediakan **wacana profesional yang sama** bagi menyuarakan pemahaman tentang bagaimana pelajar belajar dan bagaimana kita mengajar, tanpa mengira peranan kita dalam pendidikan.

Untuk Guru

STP membantu kita mengajar dengan berkesan supaya pelajar kita dapat belajar dengan baik.

Untuk Guru Mentor

STP membantu kita untuk mementor rakan sekerja supaya mereka dapat berkhidmat dengan lebih cekap.

Untuk Bahagian Kurikulum di MOE HQ

STP menyediakan arah untuk membina, melaksanakan dan menilai kurikulum nasional. STP juga diterapkan ke dalam program pembangunan profesional dalam perkhidmatan untuk guru dan pemimpin sekolah.

Untuk Akademi dan Pusat Bahasa

STP menyediakan kita dengan wacana yang sama untuk melibatkan diri dalam perbincangan profesional berkaitan pedagogi yang berkesan. Kita boleh menggunakan STP dalam program pembangunan profesional dan semasa mereka bentuk (*designing*) kursus dan bengkel.

Di manakah maklumat berkaitan STP boleh diakses?

STP SINGAPORE TEACHING PRACTICE

ABOUT STP

SINGAPORE CURRICULUM PHILOSOPHY

PEDAGOGICAL PRACTICES

UNDERSTANDING SUBJECT MATTER & GOALS

UNDERSTANDING STUDENTS & LEARNING


UNDERSTANDING TEACHING



We believe

that every child wants to and can learn. We focus on children's learning needs when designing learning experiences.

THE SINGAPORE TEACHING PRACTICE



HIGHLIGHTS



- Newly added Teaching Actions
- Professional Development Programmes

MOST LIKED TEACHING ACTIONS


- Preparing an Environment for Positive Discipline **22 Likes**
- Think Positive **17 Likes**
- Managing Emotions **15 Likes**
- Building Positive Teacher-Student Relationships **13 Likes**
- Connecting with Your Students **12 Likes**

[More](#)

COPYRIGHT © MINISTRY OF EDUCATION, SINGAPORE
PRIVACY STATEMENT . TERMS OF USE . SITEMAP




Laman STP dalam OPAL2.0



Pautan ke laman STP

<https://www.opal2.moe.edu.sg/csl/s/singapore-teaching-practice/wiki/page/view?title=The+Singapore+Teaching+Practice>

3 KOMPONEN UTAMA STP



1

Falsafah Kurikulum Singapura

Menerangkan pegangan teras pendidik kita tentang pelajar kita, dan bagaimana kita meletakkan mereka sebagai tumpuan atau pusat dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

2

Asas-asas Pengetahuan

Menyediakan guru dengan pemahaman tentang:

1. Kandungan subjek dan matlamat;
2. Teori-teori dan kajian berkaitan pelajar dan pembelajaran; dan
3. Teori-teori dan kajian berkaitan pengajaran.


3

Amalan-amalan Pedagogi

Mencakup Proses Pengajaran dan Aspek Pengajaran asas yang boleh digunakan untuk semua mata pelajaran dan semua peringkat.

Merungkai Komponen STP

1 FALSAFAH KURIKULUM SINGAPURA



Falsafah Kurikulum Singapura (SCP) menerangkan pegangan teras pendidik kita tentang pelajar kita, dan bagaimana kita meletakkan mereka sebagai tumpuan atau pusat dalam proses PdP.

FALSAFAH KURIKULUM SINGAPURA

Kepercayaan kita tentang pengajaran dan pembelajaran

Ringkasan Falsafah Kurikulum Singapura

Kami percaya pada pendidikan holistik.

Kami percaya bahawa setiap pelajar mahu dan boleh belajar. Kami memberikan tumpuan pada keperluan pembelajaran pelajar semasa mereka membina pengalaman-pengalaman pembelajaran.

Kami percaya bahawa pembelajaran berkembang:

- dalam persekitaran pembelajaran yang prihatin dan selamat;
- apabila kanak-kanak membina pengetahuan secara aktif;
- melalui pembangunan kemahiran berfikir dan perwatakan; dan
- apabila penilaian digunakan untuk menangani jurang pembelajaran kanak-kanak.

2 ASAS-ASAS PENGETAHUAN



Asas-asas Pengetahuan menyediakan guru dengan pemahaman tentang:

1. Kandungan subjek dan matlamat;
2. Teori-teori dan kajian berkaitan pelajar dan pembelajaran; dan
3. Teori-teori dan kajian berkaitan pengajaran.

Asas-asas Pengetahuan

Memahami Kandungan Subjek dan Matlamat

- Berkaitan dengan konsep, fakta, teori dan kemahiran.
- Mengaitkan perkara-perkara tersebut bagi membentuk disiplin subjek.
- Memahami apa dan bagaimana subjek hendak diajar supaya pengetahuan dan kemahiran dapat dikuasai oleh pelajar.
- Dengan memahami asas-asas pengetahuan secara mendalam, guru akan dapat membimbing pelajar dengan berkesan dan penuh keyakinan bagi membina pemahaman yang mendalam untuk menjayakan pembelajaran.

Memahami Pelajar dan Pembelajaran

- Asas-asas pengetahuan memberi panduan kepada guru dalam mereka bentuk pengalaman pembelajaran yang berpusatkan pelajar.
- Ia membantu guru memahami bagaimana pembelajaran berlaku dalam konteks budaya sekolah dan bilik darjah.
- Ia menunjukkan hubungan antara pembelajaran, motivasi pelajar dan proses-proses psikologi yang diaktifkan semasa proses pembelajaran berlaku.
- Untuk menyokong perancangan dan pelaksanaan pelajaran yang berkesan, asas-asas pengetahuan ini membantu memperdalam pemahaman guru tentang tahap perkembangan pelajar dan perbezaan mereka secara individu.

Memahami Pelajar dan Pembelajaran

– antara lain bermaksud menjelaskan:

1. Konteks pembangunan dan keperluan pelajar
2. Memahami pandangan diri pelajar: Saranan-saranan pengajaran dan pembelajaran yang berasaskan teori dalam konteks Singapura (termasuk hal-hal berkaitan harga diri, konsep sendiri, keberkesanan diri dll.)
3. Pembangunan moral
4. Pembangunan sosial
5. Memahami pembelajaran: Perspektif berasaskan teori
6. Fungsi pembelajaran di bilik darjah: Perspektif berasaskan teori
7. Motivasi untuk belajar: Perspektif berasaskan keperluan untuk memahami faktor-faktor yang menggalakkan pelajar teruja untuk terus terlibat dalam pembelajaran
8. Motivasi untuk belajar: Pencapaian matlamat: Diri, suasana/sekitaran dan interaksi faktor-faktor yang terlibat
9. Motivasi untuk belajar: Peranan faktor-faktor penyumbang yang mempengaruhi perlakuan pelajar

Memahami Pengajaran

- Pengajaran ialah satu proses yang bermatlamat dan tersusun, dan memerlukan kedua-dua perancangan yang baik dan keupayaan mengadaptasikan pandangan dan tindakan dengan sekitaran yang nyata.
- Guru perlu memahami faktor-faktor yang boleh mempengaruhi pilihan yang mereka lakukan, termasuk sekitaran fizikal dan psiko-sosial, hubungan guru-pelajar, keperluan pembelajaran pelajar, dan profil pelajar yang rencam dan berbeza-beza.
- Asas-asas pengetahuan ini membantu guru memahami dinamik yang memberi kesan pada kualiti pengajaran dan memahami 'mengapa' dan 'bagaimana' mengurus bilik darjah dengan berkesan.

Memahami Pengajaran – menjelaskan hal-hal yang berkaitan:

1. Pengurusan bilik darjah: Mengurus kepelbagaian
2. Mewujudkan hubungan yang positif
3. Menetapkan sekitaran pembelajaran dalam konteks fizikal dan psiko-sosial
4. Menetapkan peraturan dan membangunkan insentif dan kesannya
5. Mengurus pengajaran seluruh kelas dan pembelajaran secara berkumpulan
6. Memahami dan mengurus tingkah laku
7. Menyokong pelajar yang mempunyai pelbagai keperluan

3

AMALAN-AMALAN PEDAGOGI



Amalan-amalan Pedagogi (AP) mencakup **Proses Pengajaran dan Aspek Pengajaran asas** yang boleh digunakan untuk semua mata pelajaran dan semua peringkat.

Amalan-amalan Pedagogi

```
graph TD; A[Amalan-amalan Pedagogi] --> B[4 Proses Pengajaran]; B --> C[24 Aspek Pengajaran]; C --> D[Aktiviti Mengajar / Pertimbangan];
```

4 Proses Pengajaran

24 Aspek Pengajaran

Aktiviti Mengajar / Pertimbangan

Glosari Amalan Pedagogi

Proses Pengajaran (PP)

Proses pengajaran menjelaskan apa yang menjadi amalan guru dan melakukan refleksi sebelum, semasa dan sesudah interaksi dengan pelajar yang berlangsung dalam semua konteks pembelajaran.

Aspek Pengajaran (AP)

Aspek pengajaran menyediakan Aktiviti Mengajar dan pertimbangan profesional bagi pendidik menggunakan dan menyesuaikan dalam konteks pembelajaran pelajar.

Aktiviti Mengajar / Pertimbangan (AM)

Aktiviti mengajar dilakukan secara sedar dan boleh dilihat. Aktiviti mengajar dilaksanakan menerusi apa yang guru ujarkan dan lakukan untuk memenuhi keperluan pembelajaran pelajar. Pertimbangan ialah perkara yang diambil kira oleh guru semasa perancangan dan pelaksanaan pelajaran.

Amalan-amalan Pedagogi

- Mengandungi **4 Proses Pengajaran** yang asas.
- Menjadikan eksplisit apa yang guru lakukan, dan mengamalkan refleksi sebelum, semasa dan selepas mereka berinteraksi dengan pelajar dalam semua konteks dan tahap pembelajaran.
- 4 elemen Proses Pengajaran itu tidak semestinya berurutan secara tegar.
- Keempat-empat Proses Pengajaran boleh dirungkai kepada **24 Aspek Pengajaran**.
- Setiap **Aspek Pengajaran** menyediakan guru dengan Aktiviti Mengajar dan Pertimbangan-pertimbangan profesional yang mereka boleh gunakan dan sesuaikan bergantung pada keperluan pembelajaran pelajar.
- **Aktiviti Mengajar** ialah kegiatan yang dirancang dan boleh dilihat. Aktiviti-aktiviti tersebut boleh disesuaikan dan diadaptasikan untuk memenuhi keperluan pelajar dan guru.

4 PROSES PENGAJARAN



1. **Budaya Positif di Bilik Darjah**
2. **Penyediaan Pelajaran**
3. **Pelaksanaan Pelajaran**
4. **Penilaian dan Maklum Balas**

PROSES PENGAJARAN DAN ASPEK PENGAJARAN

Budaya Positif di Bilik Darjah

1. Mewujudkan Interaksi dan Hubungan Rapat
2. Mengekalkan Disiplin yang Positif
3. Menetapkan Jangkaan dan Rutin
4. Membina Kepercayaan
5. Memperkasakan Pelajar

Penilaian dan Maklum Balas


22. Memantau Pemahaman dan Memberikan Maklum Balas
23. Menyokong Pembelajaran Secara Kendiri
24. Menyediakan Tugas yang Bermakna

Penyediaan Pelajaran

6. Menentukan Objektif Pelajar
7. Mengambil Kira Profil Pelajar
8. Memilih dan Menyusun Urutan Kandungan
9. Merancang Soalan-soalan Utama
10. Menyusun Pembelajaran
11. Menetapkan Strategi Pengajaran
12. Menetapkan Alat Bantu dan Bahan Pembelajaran

Pelaksanaan Pelajaran

13. Mengaktifkan Pengetahuan Sedia Ada
14. Merangsang Minat
15. Menggalakkan Pelibatan Pelajar
16. Menggunakan Fleksibiliti
17. Memberikan Penerangan yang Jelas
18. Menyusun Langkah dan Mengekalkan Momentum
19. Memudah Cara Pembelajaran Kolaboratif
20. Menggunakan Soalan untuk Memperdalam Pembelajaran
21. Menutup Pelajaran



AMALAN PENGAJARAN SINGAPURA

Proses Pengajaran	Aspek Pengajaran	Aktiviti Mengajar/ Pertimbangan
4 proses pengajaran 1. Budaya Positif di Bilik Darjah 2. Penyediaan Pelajaran 3. Pelaksanaan Pelajaran 4. Penilaian dan Maklum Balas	24 Aspek Pengajaran Contoh: 1. Mewujudkan interaksi dan hubungan rapat 2. Menetapkan jangkaan dan rutin	Pelbagai aktiviti mengajar/saranan yang penting untuk disesuaikan dengan keperluan, kebolehan dan kesediaan pelajar.
Amalan-amalan Pedagogi		



Kandungan Subjek dan Matlamat	Teori-teori dan Kajian Berkaitan Pelajar dan Pembelajaran	Teori-teori Kajian Berkaitan Pengajaran
Contoh: <ul style="list-style-type: none"> Sukatan Pelajaran Buku Teks, Buku Aktiviti dan Panduan Guru 	Contoh: <ul style="list-style-type: none"> Teori pembangunan moral dan sosial Teori Behaviorisme dan Konstruktivisme Teori berkaitan motivasi dan pembelajaran 	Contoh: <ul style="list-style-type: none"> Pengurusan bilik darjah Membina hubungan positif Keperluan pengajaran pembezaan dan persekitaran pembelajaran yang positif
Asas-asas Pengetahuan		



Falsafah Kurikulum Singapura

ASPEK PENGAJARAN DAN AKTIVITI MENGAJAR

Proses Pengajaran	Aspek Pengajaran	Aktiviti Mengajar / Pertimbangan
Budaya Positif di Bilik Darjah	1. Mewujudkan Interaksi dan Hubungan Rapat	1. Mengenal Pelajar (<i>Acknowledging Your Students</i>)
		2. Membina Hubungan Positif dengan Pelajar (<i>Connecting With Your Students</i>)
		3. Memudah Cara Interaksi antara Pelajar (<i>Facilitating Student-Student Interaction</i>)
	2. Mengekalkan Disiplin yang Positif	1. Membina Hubungan Positif antara Guru-Pelajar (<i>Building Positive Teacher-Student Relationships</i>)
		2. Menyediakan Persekitaran untuk Disiplin Positif (<i>Preparing an Environment for Positive Discipline</i>)
		3. Mengenal Pasti Ruang untuk Pembangunan (<i>Identifying Areas for Development</i>)
		4. Memantau dan Mengurus Tingkah Laku (<i>Monitoring and Managing Behaviour</i>)
		5. Melaksanakan Tindakan Susulan yang Positif dan Negatif (<i>Implementing Positive and Negative Consequences</i>)
		6. Mengurus Tugas Secara Serentak (<i>Managing Tasks Simultaneously</i>)
	3. Menetapkan Jangkaan dan Rutin	1. Menetapkan Rutin Pengendalian Bilik Darjah (<i>Setting Class-running Routines</i>)
		2. Menetapkan Rutin Pengendalian Pelajaran (<i>Setting Lesson-running Routines</i>)
		3. Menetapkan Rutin Berinteraksi (<i>Setting Interaction Routine</i>)
		4. Mengimbas, Membetulkan dan Meneruskan Semula (<i>Scanning, Correcting, Resuming</i>)
	3. Membina Kepercayaan	1. Mempunyai Jangkaan dan Kepercayaan yang Positif tentang Pelajar (<i>Having Positive Expectations and Beliefs about Students</i>)
		2. Berinteraksi dengan Jujur (<i>Interacting in a Genuine Manner</i>)
		3. Mengurus Emosi (<i>Managing Emotions</i>)
	4. Memperkasakan Pelajar	1. Memberikan Pelajar Pilihan dan Suara Giving (<i>Students Choice and Voice</i>)
		2. Merangsang Pelajar untuk Berjaya (<i>Inspiring Students to Achieve</i>)

Proses Pengajaran	Aspek Pengajaran	Pertimbangan
Penyediaan Pelajaran	6. Menentukan Objektif Pelajaran	1. Kesiapan Pelajar (<i>Student readiness</i>)
		2. Disiplin Subjek (Pengetahuan dan konsep) (<i>Subject disciplinary</i>)
		3. Kesejajaran Visi Pengajaran dan Pembelajaran dengan Subjek (<i>Alignment with vision of teaching and learning in your subject</i>)
		4. Kesejajaran dengan Hasil Pelajar yang Diingini (<i>Alignment with student learning outcomes</i>)
		5. Objektif yang Realistik dan Boleh Dicapai (<i>Achievable and realistic objectives</i>)
	7. Mengambil Kira Profil Pelajar	1. Mengumpul Maklumat Mengenai Profil Pelajar (<i>Gathering information on learners' profiles</i>)
		2. Membezakan Kandungan untuk Memenuhi Keperluan Pembelajaran Pelajar (<i>Differentiating the content to cater to students' learning needs</i>)
		3. Membezakan Proses untuk Memenuhi Keperluan Pembelajaran Pelajar (<i>Differentiating the learning process to cater to students' learning needs</i>)
		4. Membezakan Produk untuk Memenuhi Keperluan Pembelajaran Pelajar (<i>Differentiating the product to cater to students' learning needs</i>)
		5. Membezakan Persekitaran Pembelajaran untuk Memenuhi Keperluan Pembelajaran Pelajar (<i>Differentiating the learning environment to cater to students' learning needs</i>)
	8. Memilih dan Menyusun Urutan Kandungan	1. Memahami Peranan Kandungan dalam Pembelajaran Pelajar (<i>Understanding the role of content in students' learning</i>)
		2. Memahami Konsep, Prinsip Utama dan Kemahiran dalam Subjek (<i>Understanding key concepts, principles and skills in a subject</i>)
		3. Menyusun Kandungan untuk Memudahkan Cara Pembelajaran Pelajar (<i>Organising the content to facilitate students' learning</i>)

Proses Pengajaran	Aspek Pengajaran	Pertimbangan
Penyediaan Pelajaran	9. Merancang Soalan-soalan Utama	1. Tujuan Bertanyakan Soalan (<i>Purpose of questioning</i>)
		2. Jenis-jenis Soalan yang Mahu Ditanyakan (<i>Types of questions to ask</i>)
		3. Peranan Guru Semasa Bertanyakan Soalan (<i>Role of the Teacher in Questioning</i>)
	10. Menyusun Pembelajaran	1. Menentukan Objektif Pelajaran dan Kriteria Kejayaan (<i>Determining the lesson objectives and success criteria</i>)
		2. Menentukan Pendekatan Pengajaran (<i>Deciding the teaching approach</i>)
		3. Pengumpulan Bukti Pembelajaran (<i>Gathering evidence of learning</i>)
	11. Menentukan Strategi Pengajaran	1. Fokus (Pengetahuan, Kemahiran, Sikap atau Nilai) dalam Objektif Pelajaran (<i>Focus (K, S, A, or V) of the lesson objective</i>)
		2. Keselarasan dengan Kriteria Kejayaan dan Bukti Pembelajaran yang Diperlukan (<i>Alignment with success criteria and required evidence of learning</i>)
		3. Disiplin Subjek dan Pendekatan Pengajaran (<i>Subject disciplinary and teaching approach</i>)
		4. Interaksi antara Guru, Pelajar dan Kandungan (<i>Interaction between the teacher, student, content, and community</i>)
		5. Profil Pelajar (<i>Learners' profiles</i>)
	12. Menentukan Alat Bantu dan Bahan Pembelajaran	1. Kandungan dan Matlamat Kurikulum (<i>Subject content matter and curricular goals</i>)
		2. Profil Pelajar (<i>Learner's Profiles</i>)
		3. Pengalaman Pembelajaran (<i>Learning Experiences</i>)
		4. Pengaplikasian Utama Teknologi (<i>Key Application of Technology</i>)
		5. Strategi Pengajaran (<i>Instructional Strategies</i>)
		6. Peranan Guru (<i>Role of Teachers</i>)
		7. Persekitaran Pembelajaran (<i>Learning Environment</i>)


Proses Pengajaran	Aspek Pengajaran	Aktiviti Mengajar / Pertimbangan
Pelaksanaan Pelajaran	13. Mengaktifkan Pengetahuan Sedia Ada	1. Fikir-Berpasangan-Berkongsi (<i>Think-Pair-Share</i>)
		2. KWL – Tahu, Mahu Tahu, Telah Pelajari (<i>Know, Want to know, Learn</i>)
		3. Kartun Berkonsep (<i>Concept Cartoons</i>)
		4. Analisis Senario, Inkuiri Berpasukan, Aplikasi dan Refleksi - STAR (<i>Scenario Analysis, Team Inquiry, Application and Reflection</i>)
		5. Mengajar Menggunakan Objek (<i>Teaching with Object</i>)
	14. Merangsang Minat	1. Peristiwa-peristiwa Bercanggah (<i>Discrepant Events</i>)
		2. Mengajar Rakan (<i>Teach a Friend</i>)
		3. Menggunakan Cerita dan Imejan (<i>Using Stories and Images</i>)
	15. Menggalakkan Pelibatan Pelajar	1. Memudah Cara Perbincangan Akademik yang Produktif (<i>Facilitating Productive Academic Discussion</i>)
		2. Ulang-Jelaskan-Faham (RCU: <i>Repeat-Clarify-Understand</i>)
		3. Teroka, Terlibat, Aplikasi (<i>Explore, Engage, Apply</i>)
		4. Fikir – Tulis (<i>Chalk Talk</i>)
	16. Menggunakan Fleksibiliti	1. Memberikan Respons yang Tepat dan Sesuai (<i>Accuracy and appropriateness of response</i>)
		2. Memberikan Tahap Perancah yang Diperlukan (<i>Level of scaffolding needed</i>)
		3. Memberikan Respons yang Berkualiti (<i>Quality of response</i>)
		4. Menangani Pelajar yang Tidak Memberikan Respons (<i>Unresponsive student</i>)

Proses Pengajaran	Aspek Pengajaran	Aktiviti Mengajar / Pertimbangan
Pelaksanaan Pelajaran	17. Memberikan Penerangan yang Jelas	1. Menggunakan Analogi (<i>Use of Analogies</i>)
		2. Melakukan Tunjuk Cara atau Modeling (<i>Demonstration</i>)
		3. Menggunakan Model (objek) (<i>Models as Teaching Aids</i>)
		4. Model Pemikiran Lantang (<i>Model Thinking Aloud</i>)
		5. Menggunakan Penyusun Grafik (<i>Visual Organisers</i>)
	18. Menyusun Langkah dan Mengekalkan Momentum	1. Berhenti Sejenak dan Lakukan Refleksi (<i>Pause and Reflect</i>)
		2. Mengurus Peralihan (<i>Managing Transitions</i>)
		3. Pengisi Masa (<i>Time Fillers</i>)
	19. Memudah Cara Pembelajaran Kolaboratif	1. Perbincangan Papan Putih (<i>Whiteboarding</i>)
		2. <i>Jigsaw</i>
		3. Pengajaran <i>Reciprocal</i> (<i>Reciprocal Teaching</i>)
		4. Fikir-Berpasangan-Berkongsi (<i>Think-Pair-Share</i>)
		5. Mencari Informasi (<i>Scouting for Information</i>)
		6. Pelibatan Menerusi Kolaborasi dan Interaksi Menggunakan ICT (<i>Engagement through Collaboration and Interactivity Using ICT</i>)
	20. Menggunakan Soalan untuk Memperdalam Pembelajaran	1. Rangkaian Mulakan-Respons-Maklum Balas [<i>Initiate-Response-Feedback or Follow-up (IRF) Chains</i>]
		2. Mengepam (<i>Pumping</i>)
		3. Perhalus, Perhalus, Perhalus (<i>Rifine, Refine and Refine</i>)
		4. Menjana Soalan (<i>Generating Questions</i>)
		5. Cabar Saya (<i>Challenge Me</i>)
		6. Menjelaskan-Memeka-Pengaruhi [<i>Clarify Sensitise-Influence (CSI)</i>]

Proses Pengajaran	Aspek Pengajaran	Aktiviti Mengajar / Pertimbangan
		7. Teknik Penyoalan <i>Socratic (Socratic Method of Questioning)</i>
	21. Menutup Pelajaran	1. Hurlurkan Kertas (<i>Pass It Around</i>) 2. Memantau Pembelajaran Saya Menggunakan Ringkasan 3-2-1 (<i>Monitoring My Learning Using 3-2-1 Summarizer</i>) 3. Senarai Semak Pembelajaran Saya (<i>My Learning Checklist</i>) 4. Representasi Visual Saya (<i>My Visual Representation</i>) 5. Apa dan Bagaimana Saya Belajar [<i>What and How I Learn (WHILE)</i>]

Proses Pengajaran	Aspek Pengajaran	Aktiviti Mengajar / Pertimbangan
Penilaian dan Maklum Balas	22. Menyemak Pemahaman dan Memberi Maklum Balas	1. Menegaskan-Bertanya–Menyarankan (<i>Affirm-Questions-Suggest</i>)
		2. Maklum Balas dalam Bentuk Komen Sahaja (<i>Comment Only Feedback</i>)
		3. Mewajarkan Pemikiran Saya (<i>Justify My Thinking</i>)
		4. Meter Ibu Jari (<i>Thumbometer</i>)
		5. Saya Buat, Saya Tahu, Saya Semak (<i>I Do, I Know, Check</i>)
		6. Kongsi Pembelajaran Saya (<i>Share My Learning</i>)
	23. Menyokong Pembelajaran Secara Kendiri	1. Mempamer Pemahaman Saya Melalui Peta Minda (<i>Demonstrating My Understanding through Mind Maps</i>)
		2. Main Peranan (<i>Role Play</i>)
		3. Perbincangan Forum Dalam Talian Berstruktur (<i>Facilitating Online Forum Discussion</i>)
	24. Menyediakan Tugas yang Bermakna	1. Unjuk dan Ujar (<i>Show and Tell</i>)
		2. Latihan untuk Menguasai (<i>Practice for Mastery</i>)
		3. Pilihan Awak (<i>Your Choice</i>)


Hubung Kait STP dengan PdP Bahasa Melayu



24 Aspek Pengajaran STP




Hubung Kait STP dengan Visi Arif Budiman



Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Menengah

Rajah 1: Model Kurikulum Bahasa Ibunda



Prauniversiti	Membina bahasa dan budaya Melayu secara kreatif dalam kesediaan menghadapi cabaran dan memburu peluang dalam dunia yang berubah
Menengah	Mendalami dan menghargai bahasa dan budaya Melayu dalam pelanjutan pembangunan negara
Rendah	Mengenal dan memahami bahasa dan budaya Melayu sebagai sebahagian daripada masyarakat majmuk Singapura

Arif Budiman	Insan berilmu pengetahuan yang berbakti kepada masyarakat
---------------------	---

Kitaran Refleksi - Aplikasi



Menerusi kitaran refleksi dan aplikasi yang berterusan, guru mendalami kemahiran profesional bagi pengajaran dan pembelajaran yang berkualiti.

Disesuaikan	Soalan-soalan yang kita boleh tanyakan
Bertanyakan "apa"	Apa berkaitan dengan isu/situasi?
Bertanyakan "mengapa"	Mengapa menjelaskan/pembelajaran tentang perkara itu penting, berdasarkan kepercayaan saya tentang PdP?
Bertanyakan "jadi ... apa"	Jadi apa ialah idea, pengetahuan dan teori yang boleh saya pelajari untuk membantu saya memahami isu/situasi yang dihadapi?
Bertanyakan "sekarang apa"	Sekarang apa ialah perkara yang boleh saya lakukan untuk memperbaiki situasi atau pendekatan pada isu/situasi?

Source: Rolfe, G., Freshwater, D., & Jasper, M. (2001). *Critical reflection for nursing and the helping professions: A user's guide*. Basingstoke, UK: Palgrave Macmillan. Schön, D. (1987). *Educating the reflective practitioner*. San Francisco, CA: Jossey-Bass